

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19/01/2018

IBFC Labuan masuk era transformasi

➔ Langkah tingkat peranan, cetus kegiatan ekonomi lebih bermakna

Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah, Azri Onn Othman
dan Mohd Nazllie Zainul
bhnews@bh.com.my

► Labuan

Datuk Seri Najib Razak berkata, Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan (IBFC Labuan) yang dikenali sebagai antara pusat kewangan pertengahan pesisir terkemuka di Asia Pasifik, akan melalui transformasi supaya lebih berperanan dalam pembangunan Labuan.

Perdana Menteri berkata, selepas kira-kira 30 tahun IBFC Labuan

terbabit dalam aktiviti kewangan yang menarik ahli perniagaan serantau, tiba masanya untuk melihat semula fungsinya supaya dapat memberi lebih sumbangan kepada limpahan ekonomi Labuan.

"IBFC Labuan menyusuri jalan yang jauh dan kini berkembang menjadi pusat kewangan pertengahan pesisir terkemuka di Asia Pasifik.

Fungsi disatukan dengan ekonomi setempat

"Sudah sampai masanya untuk membuat transformasi agar fungsinya dapat disatukan dengan ekonomi setempat.

"Inilah yang menjadi hasrat kerajaan supaya IBFC Labuan menjadi pusat kewangan yang dapat mencetus kegiatan ekonomi lebih bermakna.

"Itu sebabnya hari ini kita melancarkan pelan transformasi Pihak Berkuasa Kewangan Labuan," katanya pada Majlis Pelancaran Kerangka Pembangunan Labuan 2030 (LDB2030), di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri

Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Raymond Tan Shu Kiah dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun.

Transformasi IBFC Labuan merangkumi empat aspek utama iaitu mengekalkan tarikan perniagaan wilayah dengan mengukuhkan daya saingnya dengan pusat lain dan meneroka pasaran syarikat perniagaan termasuk menarik syarikat insurans, pengurusan kekayaan dan perbankan swasta.

Dua lagi ialah mengukuhkan peraturan fiskal bagi memastikan kemapanan dan daya saing perniagaan dalam IBFC Labuan dapat dikekalkan serta menyokong pembangunan ekonomi dengan mewujudkan kesan limpahan ekono-

mi, khususnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Labuan.

Tingkat ekonomi rakyat

Terdahulu, Najib berkata, LDB2030 menggariskan projek pembangunan ufama yang berdaya maju dilaksanakan bagi memacu ekonomi pulau ini, sekali gus meningkatkan ekonomi rakyat.

"Kita sedar Labuan terkesan dengan kelembapan industri minyak dan gas. Walaupun ada sedikit pemulihan tetapi tak mungkin harga minyak sebelum ini dapat jadi kenyataan.

"Justeru, usaha mempelbagai sumber ekonomi Labuan perlu dirancang kerana kalau tidak Labuan tidak dapat mara setanding tempat lain," katanya.

Beliau berkata, kerangka berkenaan juga akan mengenal pasti projek yang boleh menyumbang kepada kadar pertumbuhan ekonomi Labuan dan penyelesaian hidup rakyat termasuk cadangan pembinaan taman tema dan kedai yang menjual barangan berjena-

ma antarabangsa.

Sementara itu, ketika melakukan tinjauan mesra di Penampang petang semalam, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan sebanyak RM8.5 juta bagi menaik taraf tapak Tamu Donggongon.

Najib berkata, walaupun Parlimen Penampang milik pembangkang, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah mengeneppikan kepentingan penduduknya, termasuk menyalurkan peruntukan untuk atasi masalah banjir berjumlah RM280 juta.

"Saya berjanji jika diberi mandat semula, kita akan bawa lebih banyak kemajuan untuk Sabah. Rekod kita jelas terbukti, berbilion ringgit saya lulus untuk Sabah sejak jadi Perdana Menteri," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di Tamu Donggongon pada jam 4 petang, meluangkan masa hampir sejam meninjau dan beramah mesra bersama peniaga serta pengunjung sebelum menikmati jamuan buah-buahan di tapak tamu terbabit.

BH - 19/1/2018 - pg. 2